

Product Disclosure Sheet

This Product Disclosure Sheet ('PDS') provides you with key information on your family takaful. Other customers have read this PDS and found it helpful; you should read it too.

Name of takaful operator	FWD Takaful Berhad ('FWD')
Distributor	Alliance Bank Malaysia Berhad 198201008390 (88103-W) ('the Bank')
Product name	i-Wealth Flex (This is a takaful product)
Plan	Plan 1
Prevailing sum covered for first year	RM500,000

Find out more:



1 What is i-Wealth Flex?

i-Wealth Flex is a 3-year contribution plan that provides takaful protection and savings. It pays a lump sum benefit if person covered dies or suffers Total and Permanent Disability ('TPD') during the term of certificate. The coverage period is 15 years.

Shariah concepts applicable:

- Wakalah: The contract where the participant appoints FWD to manage the Participants' Risk Fund ('PRF') and the relevant participants' funds in accordance with Shariah principles. Participant agrees to remunerate FWD on pre-agreed basis for the services provided.
- Tabarru': A donation for the purpose of takaful where participants agree to assist each other financially in case of certain defined needs.
- Ju'alah: This is the reward to FWD for the good performance of the PRF and Participants' Fund ('PF') it manages.
 - PRF: FWD will be rewarded with a 50% share of the distributable surplus from the PRF and the remaining 50% will be distributed to eligible participants.
 - PF: 10% of the profit from the PF will be rewarded to FWD as an incentive.
- Qard: An interest-free loan by FWD to the PRF if it is in deficit. The loan is repayable from the future surplus arising in the PRF.
- Hibah: FWD, at its sole discretion, may grant Hibah to the participants as part of the takaful benefits upon the fulfilment of the conditions determined by FWD.

2 Know Your Coverage/Benefits

As an illustration, for RM500,000 annually, you will receive the following takaful coverage/benefits:

Death or TPD benefit ^{1,2}	We will pay the higher of the Prevailing Sum Covered ('PSC') less total Annual Cash Payout ('ACP') paid, or the certificate account value in the PF.
Accidental death benefit ('ADB') ^{1,2}	We will pay the additional accidental death benefit, calculated as 100% of total contribution paid ('TCP').
Annual Cash Payout ('ACP')	You will receive the ACP annually, which will be paid from the PRF, starting at the end of the 1 st certificate year until certificate expiry age. We'll deposit it into your bank account of your choice given during your application. Note: You will only receive the ACP while the certificate is still active and your account value in PF is sufficient to pay the tabarru'.
Fund Booster	At the end of the 10 th certificate year, we will pay 5% of annualised contribution into your certificate account value in the PF. The amount will be payable from the Takaful Operator's Fund as Hibah (at the discretion of the takaful operator). Note: The Fund Booster will be payable provided that all contributions are paid on time.
Maturity benefit	When your certificate ends, you will receive a maturity benefit which is the maturity value ('MV') less total ACP paid, or the higher of the certificate account value in the PF. Note: The maturity benefit will only be paid out while the certificate is still active and your account value in PF is sufficient to pay the tabarru'.

¹ The TPD and accidental death benefits are payable up to age 70 (age next birthday ('ANB')).

² Juvenile lien is applicable if death, TPD or accidental death of a person covered occurs before age 5 ANB.

Note: Please refer to the Appendix and certificate for further details on the benefits.

Your family takaful **excludes**:

- Death benefit: Suicide within one year from date of commencement or reinstatement, whichever is later.
- Accidental death benefit:
 - Wilfully participated in an unlawful act or unlawful failure to act.
 - An act of war (whether declared or not), coup, revolution, riot, or any similar event.
- TPD benefit:
 - Attempted suicide or an intentional self-inflicted act by the person covered within one year from date of commencement or reinstatement, whichever is later.
 - Wilfully participated in an unlawful act or unlawful failure to act.
 - An act of war (whether declared or not), coup, revolution, riot, or any similar event.
 - Any illness, disease or disability that existed prior to the commencement date.

Note: This list is **non-exhaustive**. Please refer to the certificate for the full list of limitation and exclusions.

If you have any questions or require assistance on your family takaful, you can:



Call us at:
1 300 13 7988



Visit us at:
<https://www.fwd.com.my/>



Email us at:
contact.my@fwd.com



Scan the QR code above for
claim details

3 Know Your Obligations

For your family takaful, you must pay a contribution¹ of RM500,000 annually for 3 years.

You also have to pay the following fees and charges:

Wakalah fee ²	The total wakalah fees that you have to pay are RM275,000.00 or 18.33% of your total contributions over the certificate term.					
Commission	Contribution year	1	2	3		
	Commission (%)	8.00%	4.75%	2.25%		
	Commission (RM)	40,000	23,750	11,250		
	The total commission is RM75,000.00 or 5.00% and part of wakalah fee.					
Stamp duty	RM10 is charged one time upon certificate issuance in addition to your first contribution.					
Tabarru' charge	This will be deducted monthly from your certificate account value in the PF.					
Service charge	RM10 per month. This will be deducted monthly from your certificate account value in the PF.					
Surrender charge	This will be deducted from your surrender value (certificate account value) if you decide to surrender this certificate within the first 5 certificate years.					
	Certificate year	1	2	3	4	5
	Surrender charge (%)	20%	15%	10%	5%	5%

¹ The contribution and certificate terms may vary depending on our underwriting requirement.

² Percentage of your contributions that are unallocated to your certificate account value in the PF.

Note: The tabarru' and other charges are based on current levels. These are not guaranteed and may be changed from time to time by giving 3 months' notice in writing to you. Please refer to the Benefit Illustration for further details.

4 Other Key Terms

- **Importance of disclosure:** You must disclose all material facts such as your health condition and state your age and gender correctly. Otherwise, you may risk having your claim rejected or certificate terminated.
- **Grace period:** A grace period of 60 days from each contribution due date is given for you to pay the respective contributions. If the contribution is not received by the due date, we will deduct your certificate account value in the PF to pay the tabarru' and other charges. This will ensure you can still get continuous takaful coverage.
- **Non-lapse facility:** If your certificate account value in the PF falls to zero, we will pay for any deficit charges on your behalf, provided that all contributions are paid on time.
- **Lapse:** Your certificate will lapse if you do not pay your contribution and your certificate account value in the PF is insufficient to pay the tabarru'. This is subject to the non-lapse facility clause as described above. If your certificate lapse, you can reinstate your certificate within two years of it ending if we agree to it.
- **Waiting period:** You will not receive any death benefit if the person covered's death is due to natural causes within two years from the reinstatement date.

Note: This list is **non-exhaustive**. Please refer to the certificate for the full list of the key terms and conditions.



Can I cancel my certificate?

Yes, you may cancel your certificate by giving a written notice to us.

- **Free-look period:** If you are unsatisfied with your certificate within 15 days after you receive it, you can contact us to cancel it. We will refund the contribution paid after deducting any medical fee we have paid.
- **Surrender:** You can also cancel your certificate at any time after the free-look period. Your certificate will end, and we will pay your certificate account value in the PF after deducting surrender charges (if any). You will not be able to reinstate (restart) your certificate after you cancel it.

THE CONTRIBUTIONS THAT YOU PAY CONTRIBUTE TO BOTH THE SAVINGS AND PROTECTION ELEMENTS OF THE PRODUCT, E.G. DEATH BENEFITS. IF YOU ARE LOOKING FOR FINANCIAL PRODUCTS WITH SAVINGS ELEMENT, YOU MAY WISH TO COMPARE THE ANNUALISED RETURN OF THIS TAKAFUL CERTIFICATE WITH THE EFFECTIVE RETURNS OF OTHER INVESTMENT ALTERNATIVES.

The benefit(s) payable under eligible product is(are) protected by PIDM up to limits. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact FWDT or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

Appendix

Prevailing Sum Covered

The PSC is calculated as follows.

Certificate year	PSC = % of TCP
1 and 2	100%
3 and above	115%

Annual Cash Payout

The ACP is calculated as follows.

Certificate year	1 to 3	4 to 6	7 to 9	10 to 12	13	14	15
ACP = % of annualised contribution	5%	6%	7%	8%	10%	12%	15%

Maturity value

MV is calculated as follows.

Coverage term	MV = % of TCP
15	115%

Definition of Total and Permanent Disability

TPD means the person covered has suffered the total and irrecoverable loss of:

- the sight of both eyes;
- the sight of one eye and the loss of use of one limb at or above the ankle or wrist;
- both hands at or above the wrists;
- both feet at or above the ankles; or
- one hand at or above the wrist and one foot at or above the ankle.

For a person covered who is working for remuneration when they first suffer TPD:

means the person covered has suffered an illness or injury which has caused them to be unable to work for at least six months in a row, and to be totally and permanently unable to engage for profit or reward in:

- the occupation they were engaged in when the illness or injury first happened; and
- any occupation they are suited to base on their education, experience, or training.

For a person covered who is not working for remuneration when they first suffer TPD:

means the person covered has suffered an illness or injury, and totally and permanently unable to perform at least three of the activities of daily living without the assistance of another person for at least six months in a row.

For the purpose of this TPD definition, the word “permanent” means beyond the hope of recovery and verified by a qualified medical practitioner.

Definition of Activities of Daily Living

1. **Transfer:** The ability to get in and out of a chair without requiring physical assistance.
2. **Mobility:** The ability to move from room to room without requiring physical assistance.
3. **Continenence:** The ability to voluntarily control bowel and bladder functions such as to maintain personal hygiene.
4. **Dressing:** The ability to put on and take off all necessary items of clothing without requiring the assistance of another person.
5. **Bathing/Washing:** The ability to wash in the bath or shower (including getting in or out of the bath or shower) or wash by any other means.
6. **Eating:** All tasks of getting food into the body once it has been prepared.

Risalah Pemberitahuan Produk

Risalah Pemberitahuan Produk ('PDS') ini memberikan anda maklumat penting mengenai takaful keluarga anda. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia bermanfaat; anda juga disarankan untuk membacanya.

Nama pengendali takaful	FWD Takaful Berhad ('FWDT')
Pengedar	Alliance Bank Malaysia Berhad 198201008390 (88103-W) ('Bank')
Nama produk	i-Wealth Flex (Ini adalah produk takaful)
Pelan	Pelan 1
Jumlah dilindungi semasa pada tahun pertama	RM500,000

Ketahui lebih lanjut:



1 Apa itu i-Wealth Flex?

i-Wealth Flex adalah pelan sumbangan selama 3 tahun yang menyediakan perlindungan takaful dan simpanan. Pelan ini membayar manfaat secara sekaligus apabila orang dilindungi meninggal dunia atau mengalami Hilang Upaya Penuh dan Kekal ('HUPK') semasa tempoh sijil. Tempoh perlindungan adalah selama 15 tahun.

Konsep Syariah yang diguna pakai:

- Wakalah: Kontrak yang mana peserta melantik FWDT untuk mengurus Dana Risiko Peserta ('DRP') dan dana peserta yang berkaitan berlandaskan prinsip Syariah. Peserta bersetuju untuk memberi upah tertentu kepada FWDT seperti yang dipersetujui atas perkhidmatan yang diberikan.
- Tabarru': Derma untuk tujuan takaful yang mana para peserta bersetuju untuk membantu antara satu sama lain dari segi kewangan jika berlaku keadaan yang tertentu.
- Ju'alah: Ia adalah ganjaran kepada FWDT atas prestasi yang baik dalam pengurusan DRP dan Dana Peserta ('DP').
 - DRP: FWDT akan menerima ganjaran sebanyak 50% daripada lebihan yang boleh diagihkan daripada DRP dan baki 50% akan diagihkan kepada peserta yang layak.
 - DP: 10% daripada keuntungan berkaitan dengan DP akan diberikan kepada FWDT sebagai insentif.
- Qard: Pinjaman tanpa faedah oleh FWDT kepada DRP sekiranya DRP mengalami defisit. Pinjaman tersebut akan dibayar balik daripada lebihan DRP di masa hadapan.
- Hibah: FWDT, atas budi bicaranya, boleh memberikan Hibah kepada para peserta sebagai sebahagian daripada manfaat takaful setelah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh FWDT.

2 Ketahui Perlindungan/Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, untuk RM500,000 setiap tahun, anda akan menerima perlindungan/manfaat takaful berikut:

Manfaat kematian atau HUPK ^{1,2}	Kami akan membayar jumlah mana yang lebih tinggi antara Jumlah Dilindungi Semasa ('JDS') selepas ditolak jumlah Bayaran Tunai Tahunan ('BTT') yang telah dibayar, atau nilai akaun sijil dalam DP.
Manfaat kematian akibat kemalangan ^{1,2}	Kami akan membayar manfaat kematian akibat kemalangan tambahan, yang dikira sebagai 100% daripada jumlah sumbangan yang telah dibayar ('JSD').
Bayaran Tunai Tahunan ('BTT')	Anda akan menerima BTT secara tahunan, akan dibayar daripada DRP, bermula dari akhir tahun pertama sijil sehingga umur luput sijil. Kami akan mendepositkannya ke dalam akaun bank pilihan yang diberikan oleh anda semasa permohonan anda. Nota: Anda hanya akan menerima BTT sepenuhnya selagi sijil anda masih aktif dan nilai akaun sijil anda dalam DP mencukupi untuk membayar tabarru'.
Fund Booster	Pada akhir tahun sijil ke-10, kami akan membayar 5% daripada sumbangan tahunan ke dalam nilai akaun sijil anda dalam DP. Jumlah ini dibayar daripada Dana Pengendali Takaful sebagai Hibah (mengikut budi bicara pengendali takaful). Nota: Fund Booster akan dibayar dengan syarat semua sumbangan dibayar tepat pada masanya.
Manfaat kematangan	Apabila sijil anda berakhir, anda akan menerima manfaat kematangan yang bersamaan dengan jumlah yang mana lebih tinggi antara nilai kematangan selepas ditolak jumlah BTT yang telah dibayar, atau nilai akaun sijil dalam DP. Nota: Manfaat kematangan akan dibayar selagi sijil anda masih aktif dan nilai akaun sijil anda dalam DP mencukupi untuk membayar tabarru'.

¹Manfaat HUPK dan kematian akibat kemalangan dibayar sehingga umur 70 tahun hari lahir berikutnya.

²Lien juvenil diguna pakai jika orang dilindungi meninggal dunia, HUPK atau meninggal dunia akibat kemalangan sebelum berumur 5 tahun (umur pada hari lahir berikutnya).

Nota: Sila rujuk Lampiran dan sijil untuk maklumat lanjut mengenai manfaat.

Takaful keluarga anda **mengecualikan**:

- Manfaat kematian: Bunuh diri dalam tempoh satu tahun dari tarikh mula atau penghidupan semula, yang mana kemudian.
- Manfaat kematian akibat kemalangan:
 - Penglibatan secara sengaja dalam perbuatan yang menyalahi undang-undang atau kegagalan untuk bertindak mengikut undang-undang.
 - Tindakan peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), rampasan kuasa, revolusi, rusuhan, atau apa-apa kejadian yang serupa.
- Manfaat HUPK:
 - Percubaan bunuh diri atau kecederaan yang disengajakan terhadap diri sendiri oleh orang dilindungi dalam tempoh satu tahun dari tarikh mula atau penghidupan semula, yang mana kemudian.
 - Penglibatan secara sengaja dalam perbuatan yang menyalahi undang-undang atau kegagalan untuk bertindak mengikut undang-undang.
 - Tindakan peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), rampasan kuasa, revolusi, rusuhan, atau apa-apa kejadian yang serupa.
 - Sebarang keadaan, penyakit atau ketidakupayaan yang wujud sebelum tarikh mula.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Sila rujuk sijil untuk had dan pengecualian yang lengkap.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai takaful keluarga anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
1 300 13 7988



Layari laman web di:
<https://www.fwd.com.my/>



E-mel kami melalui:
contact.my@fwd.com



Imbas kod QR di atas untuk
melihat butiran tuntutan

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk takaful keluarga anda, anda mesti membayar sumbangan¹ sebanyak RM500,000 setiap tahun untuk 3 tahun.

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:

Yuran wakalah ²	Jumlah yuran wakalah yang perlu anda bayar adalah sebanyak RM275,000.00 atau 18.33% daripada jumlah sumbangan semasa tempoh sijil.					
Komisen	Tahun sumbangan	1	2	3		
	Komisen (%)	8.00%	4.75%	2.25%		
	Komisen (RM)	40,000	23,750	11,250		
	Jumlah komisen adalah sebanyak RM75,000.00 atau 5.00% dan sebahagian daripada yuran wakalah.					
Duti setem	RM10 akan dikenakan sekali sahaja semasa pengeluaran sijil bersama sumbangan pertama anda.					
Caj tabarru'	Caj ini akan ditolak setiap bulan daripada nilai akaun sijil anda dalam DP.					
Caj perkhidmatan	RM10 setiap bulan. Caj ini akan ditolak setiap bulan daripada nilai akaun sijil anda dalam DP.					
Caj serahan	Caj ini akan ditolak daripada nilai serahan (nilai akaun sijil) anda jika anda mengambil keputusan untuk menyerahkan sijil ini dalam 5 tahun sijil yang pertama.					
	Tahun sijil	1	2	3	4	5
	Caj serahan (%)	20%	15%	10%	5%	5%

¹ Sumbangan dan terma sijil mungkin berbeza bergantung pada syarat pengunderaitan kami.

² Peratusan daripada sumbangan anda yang tidak peruntukkan ke nilai akaun sijil anda di dalam DP.

Nota: Tabarru' dan caj-caj lain adalah berdasarkan pada kadar semasa. Ianya tidak dijamin dan boleh diubah dari semasa ke semasa dengan memberi notis bertulis yang sekurang-kurangnya 3 bulan kepada anda. Sila rujuk Ilustrasi Manfaat untuk maklumat lanjut.

4 Terma Utama Lain

- **Keputusan untuk membuat pendedahan:** Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan kesihatan anda serta menyatakan umur dan jantina anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin berisiko untuk tuntutan anda ditolak, atau sijil anda ditamatkan.
- **Tempoh tangguh:** Tempoh tangguh selama 60 hari dari setiap tarikh sumbangan perlu dibayar diberikan untuk anda membayar sumbangan tersebut. Jika kami tidak menerima sumbangan pada tarikh yang ditetapkan, kami akan terus menolak nilai akaun sijil anda dalam DP untuk membayar tabarru' dan caj-caj lain. Ini akan memastikan anda menerima perlindungan takaful secara berterusan.
- **Kemudahan tidak luput:** Jika nilai akaun sijil anda dalam DP menjadi sifar, kami akan membayar caj tertunggak bagi pihak anda, dengan syarat semua sumbangan dibayar tepat pada masanya.
- **Luput:** Sijil anda akan luput apabila anda tidak membayar sumbangan anda dan nilai akaun sijil anda dalam DP tidak mencukupi untuk membayar tabarru'. Ini tertakluk pada kemudahan tidak luput seperti yang diterangkan di atas. Jika sijil anda luput, anda boleh menghidupkan semula sijil anda dalam tempoh dua tahun selepas ia tamat jika kami bersetuju.
- **Tempoh menunggu:** Anda tidak akan menerima sebarang manfaat kematian apabila orang dilindungi meninggal dunia akibat semula jadi dalam tempoh dua tahun dari tarikh penghidupan semula sijil.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Sila rujuk sijil untuk senarai penuh terma dan syarat utama.



Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

- **Tempoh percubaan:** Jika anda tidak berpuas hati dengan sijil anda dalam tempoh 15 hari selepas anda menerimanya, anda boleh menghubungi kami untuk membatalkannya. Kami akan memulangkan sumbangan yang telah dibayar selepas menolak sebarang yuran perubatan yang telah kami bayar.
- **Serahan:** Anda juga boleh membatalkan sijil anda pada bila-bila masa selepas tempoh percubaan. Sijil anda akan tamat dan kami akan membayar nilai akaun sijil anda dalam DP selepas menolak caj serahan (jika ada). Anda tidak boleh menghidupkan semula (memulakan semula) sijil anda selepas anda membatalkannya.

SUMBANGAN YANG ANDA BAYAR MENYUMBANG KEPADA KEDUA-DUA ELEMEN SIMPANAN DAN PERLINDUNGAN PRODUK INI, CONTOH, MANFAAT KEMATIAN. JIKA ANDA SEDANG Mencari produk kewangan dengan elemen simpanan, anda boleh membandingkan pulangan tahunan sijil takaful ini dengan pulangan pelaburan alternatif yang lain.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi FWDT atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Lampiran

Jumlah Dilindungi Semasa

JDS dikira berdasarkan jadual di bawah:

Tahun sijil	JDS = % daripada JSD
1 dan 2	100%
3 dan seterusnya	<115% / 105%>

Bayaran Tunai Tahunan

BTT dikira berdasarkan jadual di bawah:

Tahun sijil	1 hingga 3	4 hingga 6	7 hingga 9	10 hingga 12	13	14	15
BTT = % daripada sumbangan tahunan	5%	6%	7%	8%	10%	12%	15%

Nilai kematangan

Nilai kematangan dikira berdasarkan jadual di bawah.

Tempoh perlindungan	Nilai kematangan = % daripada JSD
15	115%

Definisi Hilang Upaya Penuh dan Kekal

HUPK bermaksud orang dilindungi telah mengalami kehilangan penuh dan tidak dapat dipulihkan:

- penglihatan kedua-dua mata;
- penglihatan satu mata dan kehilangan penggunaan satu anggota badan pada atau di atas pergelangan kaki atau pergelangan tangan;
- kedua-dua tangan pada atau di atas pergelangan tangan;
- kedua-dua kaki pada atau di atas pergelangan kaki; atau
- satu tangan pada atau di atas pergelangan tangan dan satu kaki pada atau di atas pergelangan kaki.

Bagi orang dilindungi yang bekerja untuk gaji, apabila mereka pertama kali mengalami HUPK:

bermaksud orang dilindungi telah mengalami sesuatu penyakit atau kecederaan yang menyebabkan mereka tidak berupaya untuk bekerja sekurang-kurangnya enam bulan berturut-turut, dan akan kekal dan benar-benar tidak dapat mencari pendapatan atau ganjaran dalam:

- pekerjaan yang mereka lakukan apabila penyakit atau kecederaan berlaku pertama kali; dan
- sebarang pekerjaan yang bersesuaian dengan pendidikan, pengalaman atau latihan mereka.

Bagi orang dilindungi yang tidak bekerja untuk gaji, apabila mereka pertama kali mengalami HUPK:

bermaksud orang dilindungi telah mengalami penyakit atau kecederaan, secara penuh dan kekal, dan tidak dapat melakukan sekurang-kurangnya tiga daripada aktiviti kehidupan harian tanpa bantuan orang lain sekurang-kurangnya selama enam bulan berturut-turut.

Untuk tujuan definisi HUPK ini, perkataan "kekal" bermaksud tidak dapat disembuhkan dan disahkan oleh pengamal perubatan yang berkelayakan.

Definisi Aktiviti Kehidupan Harian

1. **Pemindahan:** Keupayaan untuk bangun dari atau duduk di atas kerusi tanpa memerlukan pertolongan fizikal daripada orang lain.
2. **Mobiliti:** Keupayaan untuk bergerak dari bilik ke bilik tanpa memerlukan pertolongan fizikal daripada orang lain.
3. **Pengawalan:** Keupayaan untuk mengawal secara sukarela fungsi usus dan pundi bagi menjaga kebersihan diri.
4. **Berpakaian:** Keupayaan untuk memakai dan membuka semua pakaian yang perlu tanpa memerlukan pertolongan orang lain.
5. **Mandi/Mencuci:** Keupayaan untuk membersihkan diri di dalam tab mandi atau di dalam bilik pancuran air (termasuk keluar atau masuk dari dalam tab mandi atau dari dalam bilik pancuran air) atau membersihkan dengan cara-cara lain.
6. **Makan:** Semua gerak laku untuk memasukkan makanan ke dalam badan selepas ia disediakan.